



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ حَالِ الْاَهْوَالِ اِسلامِ نِغَرِي سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

21 JAMADILAKHIR 1447H / 12 DISEMBER 2025M

“ALAM KUBUR, APA BEKALAN KITA?”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ
لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾ (القصص: 83)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Segala puji syukur kita panjatkan ke hadrat Ilahi yang telah memberikan pelbagai nikmat kepada setiap makhluk-Nya serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Laksanakan segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya, ketakwaanlah yang menjadi bekal paling berharga dalam perjalanan menuju negeri akhirat. Ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah sementara, sedangkan akhirat adalah kekal abadi. Khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***“Alam Kubur, Apa Bekalan Kita?”***

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sebagai umat Islam, kita wajib mempercayai bahawa kematian itu pasti akan berlaku. Ia datang tanpa diduga, tidak diketahui bila masanya dan di mana akan berlaku. Persoalannya, apakah persiapan kita apabila mati datang mengejut? Adakah kita telah membuat persiapan sekiranya saat kematian itu datang? Ketika itu, apakah yang dapat kita bawa bersama sebagai teman setia yang akan membantu kita menghadapi saat-saat getir di alam kubur? Alam kubur merupakan wasilah yang menentukan nasib kita di akhirat sama ada menjadi tempat rehat bagi orang beriman atau siksaan bagi orang yang lalai. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 197:

...وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

Maksudnya: *“...dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa; dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikirkan dan memahaminya).”*

Kematian bukanlah pengakhiran, tetapi permulaan kepada satu kehidupan baharu, iaitu kehidupan di alam kubur dan seterusnya di alam akhirat. Daripada Uthman bin Affan R.A Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ, فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ, وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ,
فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya kubur itu merupakan tempat pertama daripada tempat-tempat akhirat. Jika seseorang selamat daripadanya, maka selepasnya akan lebih mudah baginya. Tetapi jika dia tidak selamat daripadanya, maka yang selepasnya lebih dahsyat lagi.”* (HR al-Tirmizi)

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Di alam kubur inilah seseorang akan ditanya oleh malaikat Munkar dan Nakir tentang siapa Tuhan-Nya, siapa nabinya, dan apa agamanya. Jawapan kita ketika itu bukanlah berdasarkan hafalan di dunia, tetapi hasil daripada iman dan amal yang kita laksanakan sepanjang hidup. Sebelum saat itu tiba, marilah kita bertaubat sebelum datangnya ajal, bersihkan hati, perbanyakkan zikir dan amal soleh, serta mohonlah kepada Allah SWT agar kita diberikan *husnul khatimah* iaitu penutup kehidupan yang baik. Berwaspadalah dengan kehidupan di dunia yang sementara ini dan jangan melakukan kerosakan dan kemaksiatan yang boleh menjerumuskan diri kepada azab Allah SWT yang sangat pedih. Renunglah nikmat dan keuntungan sebenar di negeri akhirat sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 83:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ
لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya: *“Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Alam kubur adalah tempat menunggu sebelum dibangkitkan di Padang Mahsyar. Di situlah roh manusia akan menerima nikmat atau azab, bergantung kepada amalnya di dunia. Ketika itu, tiada siapa dapat

menolong, melainkan amal soleh yang dibawa bersama. Rasulullah SAW bersabda:

يَتَّبِعُ الْمَيِّتَ ثَلَاثَةٌ فَيَرْجِعُ اِثْنَانِ وَيَبْقَى وَاحِدٌ: يَتَّبِعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَعَمَلُهُ، فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَيَبْقَى عَمَلُهُ

Maksudnya: “Mengiringi jenazah itu tiga perkara: keluarganya, hartanya, dan amalnya. Dua daripadanya akan pulang keluarga dan harta, manakala yang tinggal hanyalah amalnya.” (HR Bukhari dan Muslim)

Kepentingan mempersiapkan bekal takwa dan memperbanyakkan amal sangat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hashr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

Ayat ini mengingatkan kita untuk menilai adakah cukup bekal yang telah kita sediakan untuk esok hari, iaitu hari di mana kita dibangkitkan dari kubur dan berada di hadapan Allah SWT?

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Menyimpul khutbah kali ini, khatib ingin mengingatkan agar sentiasa menginsafi diri dan mempersiapkan diri sebelum ajal menjemput.

Pertama: Menjaga akidah dan keimanan.

Hati yang kukuh dengan tauhid akan memudahkan seseorang menjawab pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir di alam kubur.

Kedua: Melaksanakan ibadah dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Ibadah yang dilakukan di dunia seperti solat, puasa, sedekah adalah pahala yang akan membantu kita di akhirat kelak.

Ketiga: Bertaubat sebelum terlambat.

Setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan dosa. Namun pintu taubat masih terbuka luas kerana rahmat Allah SWT.

Keempat: Berbuat baik sesama manusia.

Menjaga silaturahim, menunaikan amanah serta menjauhi kezaliman.

Kelima: Memperbanyakkan doa dan zikir.

Mendekatkan diri kepada Allah, memohon keampunan-Nya, dikurniakan pengakhiran hidup yang baik yakni *husnul khatimah* dan keringanan dalam menghadapi sakaratul maut.

Ingatlah saudara sekalian, kubur itu gelap dan sunyi dan hanya amal kebaikanlah yang mampu meneranginya. Bagaimana agaknya jawapan kita semua di hadapan Allah SWT? Lulus atau gagal? Tepuk dada, tanya

Iman. Ingatlah saudara sekalian jangan tertipu dengan usia muda kerana syarat mati tidak harus menjadi tua. Jangan terperdaya dengan tubuh yang sihat kerana syarat mati tidak semestinya terlantar sakit.

Renungkanlah doa ini sebagai bekal dan persiapan buat diri kita bagi menghadapi alam kubur kelak:-

“Ya Allah, jadikanlah kami hamba-Mu yang sentiasa mengingati mati, yang mempersiapkan diri menghadapi alam kubur dengan iman dan amal soleh. Lindungilah kami daripada azab kubur dan azab neraka, dan masukkanlah kami ke dalam syurga-Mu yang penuh kenikmatan.”

Persiapkanlah diri kita, semoga kita termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 19:

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang dia beriman, maka mereka yang demikian keadaanya, diberi pahala akan amal usahanya.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.